

# UCSI, MyCenTHE adakan program gotong-royong

**KUCHING:** MyCenTHE dan UCSI University Sarawak dengan kerjasama Jawatankuasa Kampung Tringgus mengadakan aktiviti gotong-royong di kampung berkenaan selama sehari baru-baru ini.

Gotong-royong melibatkan 36 pelajar dan kakitangan Universiti UCSI Sarawak sebagai satu cara untuk menggalakkan industri hospitaliti dan pelancongan menerusi pendidikan.

Selain itu gotong-royong berkenaan turut melibatkan jemputan daripada agensi kerajaan dan swasta termasuk Jabatan Pertanian Bau, Majlis Daerah Bau, Jabatan Pendidikan Bau, Jabatan Kerja Raya (JKR) Bau, Jabatan Kesihatan Bau, Kolej Komuniti Mas Gading, Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Pasukan Penyelamat Negara (JAPM) Bau, NES-TLE, Radio Televisyen Malaysia, Tentera Diraja Malaysia, Sara-

wak Forestry dan Kolej Segi Sarawak.

Ketua projek Bernard Ak Stephen Jussem berkata, MyCenTHE merupakan inisiatif kerajaan di bawah Program Transformasi Negara (NTP) yang telah dilancarkan dengan tujuan untuk mengembangkan industri pelancongan dan hospitaliti Malaysia dengan modal insan berkualiti.

"UCSI University Sarawak telah bekerjasama dengan MyCenTHE sejak 28 November 2011, apabila ia dilantik sebagai pemimpin kelompok pelancongan dan hospitaliti," katanya.

Bernard berkata, sebagai 'Sebagai pemimpin kelompok', UCSI University Sarawak bertujuan untuk meningkatkan kualiti pelancongan dan pendidikan hospitaliti melalui perkongsian kerjasama antara sektor awam swasta dalam negeri atau secara berkelompok.

"Tujuan perkongsian kerjasa-

ma ini adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi berskala besar dalam industri pelancongan dan hospitaliti negara," ujarnya.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serembu, Miro Simuh yang sekali gus merasmikan program gotong-royong itu.

Miro Simuh bersama beberapa tetamu yang lain kemudiannya diberi peluang melepaskan anak ikan Semah (Kelah) di Sungai Pede dalam usaha mengekalkan populasi ikan berkenaan di sungai terbabit dan membuka peluang untuk ternakan ikan dan ia mampu menjadikan aktiviti memancing ikan sebagai tarikan pelancong pada masa akan datang.

Sepanjang program selama sehari itu, semua peserta ternyata amat gembira kerana berpeluang menikmati seketika gaya hidup di kampung.

Di samping layanan istimewa serta mesra yang diberikan oleh penduduk kampung, peserta utamanya pelajar yang menyertai aktiviti berkenaan berpeluang menikmati pelbagai masakan atau makanan yang enak hasil 'tangan' penduduk kampung.

"Acara ini adalah penting kerana ia membolehkan pelajar universiti berkenaan untuk menyedari nilai tempat seperti Kampung Tringgus.

"Ia adalah khazanah kecil Kuching dan terdapat keperluan untuk memelihara tempat-tempat ini melalui program-program seperti ini.

"Pelajar bukan sahaja merasa sendiri hidup masyarakat di sini tetapi juga melibatkan diri dengan masyarakat setempat dalam memelihara warisan semula jadi kita," jelas Ketua Pegawai Operasi Sarawak (COO) Universiti UCSI, Mukvinder Kaur Sandhu.



**KENANGAN ...** Sukarelawan UCSI yang menyertai program gotong-royong bergambar di tebing Sungai Peda, Kampung Tringgus.



**ANAK IKAN SEMAH ...** Pelepasan anak ikan ke Sungai Peda.